



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. kami : ANM PG.800 -9Jld.4(10) ...
Tarikh : 31 Mei 2021

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab yang berkenaan,

**PERTANYAAN BERKAITAN PENGECUALIAN ARAHAN
PERBENDAHARAAN/ PEKELILING PERBENDAHARAN/ ARAHAN LAIN
YANG BERKUATKUASA DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Berdasarkan kepada pengecualian Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) dan arahan operasi di dalam soalan lazim (FAQ) JANM bagi tempoh PKP yang telah di muat naik dalam portal JANM Pulau Pinang pada 30 Mac 2020 dan 14 April 2020 dan serta surat pengecualian MOF rujukan MOF.BSKK 600-2/2/3 Jilid 4(46) bertarikh 9 April 2020.

2. Susulan daripada buletin bertarikh 30 Mac 2020 dan 14 April 2020 serta berdasarkan kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa bagi situasi pandemik Covid-19, Ibu Pejabat JANM melalui surat rujukan JANM. BPOPP.600-15/4/13(5) bertarikh 17 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa semua AP, PP, SPANM dan arahan operasi JANM hendaklah dipatuhi bermula 10 Jun 2020 kecuali bagi PTJ yang berada dalam zon merah atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Namun dalam keadaan gelombang pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir sehingga kini, terdapat Kementerian atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang diarahkan tutup ataupun tidak dapat menjalankan operasi dari semasa ke semasa.


3. Sehubungan dengan itu, bagi mengambilkira senario-senario di atas, pengecualian AP, PP, SPANM dan arahan operasi terpakai jika PTJ tidak dapat menjalankan operasi dengan arahan daripada Ketua Jabatan berikutan pandemik Covid-19. **Walaupun, PTJ perlu mengemukakan email kepada JANM Pulau Pinang di alamat akaun_png@anm.gov.my untuk mengesahkan bahawa PTJ tidak dapat menjalankan operasi dengan arahan Ketua Jabatan.**

4. PTJ adalah dinasihatkan supaya sentiasa patuh terhadap peraturan kewangan serta memastikan bahawa perakaunan adalah dalam keadaan terkawal dan tidak menyumbang kepada risiko kehilangan wang serta penyelewengan.

Sekian, terima kasih.

"PERIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZLINA BINTI JUNID C.A (M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang.